

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 06/2026

1 Apakah PA Flex ini?

PA Flex memberikan pampasan bagi mana-mana kecederaan anggota badan, kecacatan atau kematian yang disebabkan secara langsung oleh perlakuan ganas yang tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM151.20** setahun (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima perlindungan Pelan 1* berikut:

Anggaran premium: Jumlah diinsuranskan RM50,000, dengan Manfaat Pilihan Mingguan, pekerja pejabat, Kelas 1, berumur 30 tahun.

Polisi ini melindungi:

No.	Manfaat-manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)						
		Pelan 1*	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7
1	Kematian akibat kemalangan ¹	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
2	Hilang upaya kekal ¹	Sehingga 50,000	Sehingga 100,000	Sehingga 200,000	Sehingga 300,000	Sehingga 500,000	Sehingga 750,000	Sehingga 1,000,000
3	Perbelanjaan perubatan	Sehingga 3,000	Sehingga 4,500	Sehingga 6,000	Sehingga 6,500	Sehingga 7,500	Sehingga 8,500	Sehingga 10,000
4	Pembedahan pembedahan gigi dan / atau kosmetik	Sehingga 5,000						
5	Rawatan tradisional	Sehingga 100 setiap rawatan, tertakluk kepada maksimum 500						
6	Pembelian peralatan ortopedik	Sehingga 1,000			Sehingga 2,000			
7	Yuran ambulans	Sehingga 1,000						
8	Pendapatan hospital harian (setiap hari, sehingga 180 hari)	75	75	100	125	175	200	225
9	Penjagaan kejururawatan rumah	Sehingga 500	Sehingga 1,000	Sehingga 1,500	Sehingga 2,000	Sehingga 3,000	Sehingga 4,000	Sehingga 5,000
10	Penjagaan ihsan	Sehingga 100 setiap hari, tertakluk kepada maksimum 1,000						
11	Elaun khairat kematian	5,000	10,000	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000
12	Perbelanjaan pengebumian	Sehingga 7,500						
13	Perlindungan penculikan	5,000 untuk Perbelanjaan dan 25,000 untuk Ganjaran						
14	Ragut dan rompak	Sehingga 1,000						
15	Penghantaran balik jenazah	Sehingga 7,500						
16	Liabiliti peribadi	Sehingga 50,000	Sehingga 100,000	Sehingga 200,000	Sehingga 300,000	Sehingga 500,000	Sehingga 750,000	Sehingga 1,000,000
17	Indemniti berganda ¹	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
18	Perbelanjaan kaunseling akibat trauma / fisioterapi / psikoterapi / pemulihan	Sehingga 5,000						
19	Kematian akibat bencana semula jadi	5,000	10,000	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000
Premium Tahunan (RM) (sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)								
Kelas 1 & Kelas 2		110	180	295	420	670	1,015	1,415
Kelas 3		185	295	490	700	-	-	-

¹ Bonus pembaharuan sebanyak 10% setiap tahun sehingga maksimum 100% daripada jumlah asas diinsuranskan.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 3833



Layari kami di
www.kurnia.com



Emel kami di
customer@kurnia.com



Imbas kod
QR di atas

Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

Manfaat Pilihan Mingguan

No.	Manfaat-manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)						
		Pelan 1*	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7
1	Hilang upaya menyeluruh sementara (setiap minggu)	50	75	100	150	250	375	500
2	Hilang upaya separa sementara (setiap minggu)	25	37.50	50	75	125	187.50	250
Premium Tahunan (RM) (sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)								
Kelas 1 & Kelas 2		30	40	55	85	140	205	275
Kelas 3		70	105	140	205	-	-	-

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar bagi pembayaran pembaharuan automatik untuk pembaharuan secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat polisi.

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Penggunaan mesin pertukangan kayu yang dipacu oleh kuasa mekanikal;
- Sebarang kecacatan fizikal atau mental atau uzur, sebarang jenis sawan, sebarang bentuk sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit yang sedia ada;
- Intoksikasi melebihi had undang-undang;
- Pembunuhan dan serangan akibat provokasi;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana sekalipun sindrom ini diperoleh atau mungkin dinamakan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk PA Flex Pelan 1 dengan manfaat pilihan, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM110.00 (setiap tahun)
(+) Perlindungan Tambahan	RM30.00 (setiap tahun)
Premium Kasar	RM140.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM11.20
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM151.20
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada Premium Kasar atau RM35.00

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

4 Maklumat Penting Lain

- Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda.
- Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.
- Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.
- Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan/kecederaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kemalangan tersebut berlaku.
- Kelayakan -
 - Warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemegang permit kerja di Malaysia dan pasangan suami/isteri dan anak-anak mereka yang menetap secara sah di Malaysia.
 - Orang Yang Diinsuranskan dan pasangan mestilah berumur lapan belas (18) tahun sehingga tujuh puluh (70) tahun, boleh diperbaharui sehingga umur lapan puluh (80) tahun.
 - Anak-anak Orang Yang Diinsuranskan mestilah berumur tiga puluh (30) hari sehingga lapan belas (18) tahun, atau sehingga dua puluh lima (25) tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa.
- Klasifikasi pekerjaan:
 - Kelas 1: Orang menceburi iktisap pentadbiran, pengurusan, kerani dan pekerjaan bukan manual.
 - Kelas 2: Orang menceburi kerja penyeliaan tetapi tidak membabitkan pekerjaan manual.
 - Kelas 3: Orang menceburi kerja manual yang melibatkan penggunaan perkakas atau alat jentera.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika premium minima dibayar atau tuntutan telah dibuat pada polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.